

ETS jalani ujian

SUNGAI SIPUT 14 Jan. – Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) sedang menguji sistem enjin perkhidmatan Set Tren Elektrik (ETS) bagi satu unit koc tersebut sebelum perkhidmatannya dimulakan bagi Laluan Berkembar Ipoh-Kuala Lumpur.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat berkata, ujian itu bagi memastikan perkhidmatan koc ETS dinamik dan menjimatkan masa.

Beliau berkata, ujian berperingkat itu akan memastikan tahap penyelesaian maksimum selain menjadikan perjalanan koc tersebut lebih konsisten.

Katanya, buat masa ini, KTMB sedang dalam proses menguji statik dan pergerakan koc itu supaya ia bersesuaian dengan landasan elektrik.

“Kita tidak boleh menyamakan kelajuan ETS di negara maju yang sudah mencecah kelajuan 350 kilometer sejam. Landasan sedia ada di sini masih mengguna pakai ukuran satu meter lebar sedangkan negara-negara maju sudah mengguna pakai ukuran standard yang membolehkan kelajuan lebih tinggi.

“Saya sendiri akan menaiki ETS ke Ipoh untuk mengujinya,” katanya selepas menyampaikan cek sagu hati kepada 43 pemilik rumah setinggan di Pusat Konvensyen Sungai Siput di sini hari ini.

Masing-masing menerima cek sagu hati bernilai RM8,200.

Projek Landasan Berkembar Elek-

trik Ipoh-Padang Besar (PLBE) bernilai RM12.5 bilion yang dimulakan Januari 2008 itu sedang dilaksanakan dengan pembinaan landasan 329 kilometer meliputi Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis.

ETS merupakan tren paling canggih dan terpantas pernah dimiliki KTMB yang mampu bergerak pada kelajuan 140 kmj.

Kerajaan menerima unit pertama ETS yang dihantar melalui Pelabuhan Masan, Korea pada 21 November lepas dan selamat tiba di West Port, Pelabuhan Klang pada 3 Disember lalu.

Tren berharga RM48 juta seunit itu mampu membawa 350 penumpang pada setiap perjalanan.

Tee Keat berkata, baki empat koc tren ETS itu akan diterima selewat-lewatnya Mac tahun ini.

Mengenai pembayaran sagu hati itu, beliau berkata, pembayaran sagu hati tersebut adalah yang terakhir dibuat kepada penduduk setinggan di negeri ini.

“Sebanyak 490 rumah setinggan di Perak melibatkan pampasan berjumlah RM4 juta terlibat dengan pengambilan tanah bagi PLBE,” katanya.

Tee Keat berkata, kerajaan ber-setuju menambah RM12 juta lagi bagi membiayai kemudahan infrastruktur untuk penempatan semula penduduk di bawah Rancangan Penempatan Tersusun (RPT) di negeri ini.